

Pelajaran 2 Tekun Berusaha Masa Depan Cemerlang

Baca dan fahami petikan di bawah.



Cita-cita Amani dan Amri

Amani murid tahun empat. Amri pula murid tahun enam. Setiap pagi, mereka pergi ke sekolah bersama-sama. Mereka sangat rajin belajar.

Kedua-dua orang adik beradik ini bercita-cita tinggi. Amani ingin menjadi doktor gigi. Dia ingin mengikut jejak ayahnya yang berjaya membuka klinik sendiri. Amani berhasrat untuk merawat dan membantu orang ramai yang menderita sakit gigi.

Amri pula bercita-cita untuk menjadi peguam. Dia ingin mengikut jejak bapa saudaranya yang bekerja sebagai peguam bela. Amri bercita-cita untuk membela orang yang dituduh melakukan kesalahan. Untuk mencapai cita-cita ini, Amani dan Amri akan belajar bersungguh-sungguh. Mereka tidak mahu membazirkan waktu yang terluang dengan perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat.

Kosa Kata

Klinik	: tempat untuk memberi rawatan pesakit luar.
Merawat	: memelihara, menjaga dengan memberi ubat.
Menderita	: menanggung kesusahan (kesakitan, keseksaan, dsb.)
Peguam	: orang yang ahli dalam bidang undang-undang, yang biasanya menjadi pembela atau pendakwa dalam sesuatu perkara di mahkamah.
Manfaat	: guna, faedah, untung, laba.
Berhasrat	: bercita-cita.

Latihan

1. Tuliskan tugas utama bagi pekerjaan-pekerjaan yang berikut.

- Menjaga keselamatan dan ketenteraman negara.
- Menangkap ikan di laut.
- Menanam sayur-sayuran di kebun.
- Mengawal keselamatan lalu lintas.
- Membawa penumpang-penumpang.

1. Nelayan :
2. Tentera :
3. Polis trafik :
4. Petani :
5. Pemandu :

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (×) pada pernyataan yang salah.

1. Peragawati itu memakai pakaian yang cantik. ()
2. Jurutera itu sedang merawat pesakit di hospital. ()
3. Askar itu menangkap ikan tiap-tiap hari. ()
4. Jurutaip itu menaip surat dengan cepat. ()
5. Tukang jahit menjahit pakaian yang ditempah oleh pelanggan. ()
6. Doktor mendidik murid-murid di sekolah. ()

Nama..... Kelas 6 Nombor